

PERATURAN ASRAMA

Bilik Tidur/Kebersihan Bilik Di Asrama

- a) Bilik mestilah kemas dan sentiasa bersih.
- b) Kad Asrama (*locker tag*) mestilah dilekatkan di bahagian luar almari.
- c) Barang-barang di kaunter mestilah disusun dengan kemas.
- d) Sampah hendaklah dimasukkan ke dalam bakul sampah.
- e) Cadar dan sarung bantal hendaklah sentiasa dipasang.
- f) Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil.
- g) Pakaian yang kering hendaklah dilipat dengan kemas dan disimpan di dalam almari.
- h) Pakaian yang basah hendaklah disidai di ampaian yang disediakan di luar asrama.
- i) Paip-paip air hendaklah sentiasa ditutup selepas digunakan.
- j) Dilarang meletakkan buku di tingkap-tingkap asrama pada sebarang waktu.
- k) Kasut hendaklah disimpan di tempat-tempat yang dibenarkan.
- l) Selipar Jepun dibenarkan dipakai dalam bilik air di asrama sahaja.
- m) Pakaian yang disidai di ampaian mestilah diangkat setelah kering.
- n) Pakaian yang jatuh hendaklah diambil segera. Jika tidak, pakaian tersebut akan diambil oleh pihak maktab.
- o) Makanan yang berbau tidak dibenarkan disimpan di dalam bilik.
- p) Syarat pakaian di asrama merujuk kepada Kod Pakaian.
- q) Sebarang kerosakan peralatan bilik asrama adalah tanggungjawab penghuni bilik.
- r) Pemeriksaan asrama akan dijalankan pada setiap hari pada pukul 7.00 pagi.

Peraturan Lampu Padam

- a) Lampu mesti dipadamkan pada pukul 11.00 malam.
- b) Pelajar tidak boleh berjalan-jalan, berbual-bual atau keluar dari asrama selepas lampu padam.

Peraturan Penggunaan Surau

- a) Semua pelajar Islam wajib solat fardu berjemaah di surau.
- b) Semua pelajar diwajibkan menghadiri ceramah agama yang dianjurkan/dirancang oleh pihak maktab.
- b) Pelajar bukan Islam mestilah menghormati waktu pelajar Islam sedang solat/beribadat/ menjalankan aktiviti agama.
- c) menjalankan aktiviti agama.
- d) Semua aktiviti agama maktab hendaklah mendapat kelulusan daripada Pengetua.

Peraturan Dewan Selera

- a) Beratur semasa mengambil makanan, dilarang memotong barisan.
- b) Sentiasa menjaga kebersihan dewan selera. Sisa-sisa makanan hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
- c) tempat yang disediakan.
- d) Sistem *booking* tidak dibenarkan.
- e) Bangku, meja dan alatan hendaklah disusun selepas digunakan.
- f) Pakaian di dewan selera seperti yang ditetapkan dalam Kod Pakaian.
- g) Pelajar-pelajar dilarang membawa barang-barang, peralatan dewan dan makanan keluar daripada dewan selera.
- h) daripada dewan selera.
- i) Pelajar TIDAK dibenarkan masuk ke dapur atau kawasan larangan.
- j) Buku-buku dan alat-alat hendaklah diletakkan di tempat yang disediakan.
- k) Sentiasa mematuhi peraturan makan di dewan selera yang dikeluarkan oleh maktab dari semasa ke semasa.
- l) semasa ke semasa.